

**SOALAN NO. 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS [ BETONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kadar kemiskinan di Sarawak dan berikan pecahan mengikut kumpulan etnik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insiden kemiskinan diukur mengguna pakai pendekatan kemiskinan mutlak yang berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Ia merupakan ukuran tahap pendapatan yang berasaskan kepada keperluan minimum yang diperlukan oleh rakyat untuk kekal aktif dan sihat dalam mengharungi kehidupan harian.

Maklumat kemiskinan boleh diperolehi daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak dua kali bagi setiap 5 tahun. Berdasarkan kepada HIS terkini, tahun 2014, kadar kemiskinan Sarawak telah berkurangan daripada 5.3% pada tahun 2009 kepada hanya 0.9%. Nilai PGK purata isi rumah Sarawak turut meningkat daripada RM910 kepada RM990 dalam tempoh masa yang sama. Perincian maklumat isi rumah miskin berasaskan HIS 2014 adalah seperti berikut:

**Perincian Isi Rumah Miskin mengikut Strata, Gender, Tahap Pendidikan dan Pekerjaan, Sarawak, 2014**

|   | <b>Bil. Isi Rumah Miskin ('000)</b> | <b>Peratus Isi Rumah Miskin (%)</b> |
|---|-------------------------------------|-------------------------------------|
| <b>Sarawak</b>  | 5.5                                 | 0.9                                 |
| <b>Strata</b>   |                                     |                                     |
| Bandar  | 1.7                                 | 0.5                                 |
| Luar Bandar   | 3.9                                 | 1.6                                 |
| <b>Gender</b>   |                                     |                                     |
| Lelaki  | 5.0                                 | 1.0                                 |
| Perempuan   | 0.6                                 | 0.6                                 |
| <b>Tahap Pendidikan</b>                                   |                                     |                                     |
| Rendah  | 2.1                                 | 1.6                                 |
| Menengah  | 2.2                                 | 0.7                                 |
| Tertiari  | -                                   | -                                   |
| Pendidikan tidak formal/<br>tiada pendidikan <sup>1</sup> | 1.3                                 | 2.3                                 |
| <b>Pekerjaan<sup>2</sup></b>                              |                                     |                                     |
| Pekerja perkhidmatan dan<br>jualan                        | 0.4                                 | 0.5                                 |
| Pekerja mahir pertanian,<br>perhutanan dan perikanan      | 2.5                                 | 2.6                                 |

|   | Bil. Isi Rumah Miskin ('000) | Peratus Isi Rumah Miskin (%) |
|---|------------------------------|------------------------------|
| Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan | 0.7                          | 1.1                          |
| Pekerja asas                              | 0.2                          | 0.3                          |
| Lain-lain                                 | 1.4                          | 2.1                          |

Sumber: HIS 2014

Nota:

<sup>1</sup> Pendidikan tidak formal/tiada pendidikan merujuk kepada seseorang yang mendapat pendidikan selain daripada pendidikan rasmi/formal (contoh: bersekolah pondok; dan mempunyai sijil agama sahaja)

<sup>2</sup> Pekerjaan diklasifikasikan menggunakan Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2008.

<sup>2</sup> Tidak termasuk suri rumah/menjaga rumah, pesara, penganggur dan lain-lain.

*Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama dengan jumlah dengan jumlah yang ditunjukkan dalam jadual kerana setiap komponen dikenakan secara bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan adalah kecil dan tidak ketara.*

Bagi pecahan kemiskinan Sarawak mengikut etnik pula, adalah seperti berikut:

#### Pecahan Isi Rumah Miskin mengikut Etnik, Sarawak, 2014

|              | Bil. Isi Rumah Miskin ('000) | Peratus Isi Rumah Miskin (%) |
|--------------|------------------------------|------------------------------|
| <b>Etnik</b> |                              |                              |
| Bumiputera   | 5.2                          | 1.2                          |
| Cina         | 0.4                          | 0.2                          |
| India        | -                            | -                            |
| Lain-lain    | -                            | -                            |

Sumber: HIS 2014

Walaupun insiden isi rumah miskin hampir dibasmi sepenuhnya, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk membasmi poket-poket kemiskinan yang masih wujud dalam kalangan rakyat, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak.

Selaras dengan kemajuan dalam pembasmian kemiskinan, fokus Rancangan Malaysia Kesebelas diberikan kepada isu kemiskinan pelbagai dimensi. Kerajaan akan menggunakan pendekatan pengukuran kemiskinan relatif, iaitu Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) bagi melengkapikan kaedah pengukuran kemiskinan mutlak berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan. MPI dapat membantu Kerajaan untuk mengkaji isu kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih terperinci bagi membantu isi rumah miskin yang memerlukan sokongan tertentu berasaskan kepada keperluan dengan lebih jelas dan berkesan.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**KAWASAN : SEPANG**  
**TARIKH : 20 OKTOBER 2016, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci jumlah keseluruhan pampasan yang telah dibayar kepada setiap pemegang konsesi lebuhraya bermula dari tarikh perjanjian konsesi ditandatangani sehingga sekarang. Nyatakan butiran terperinci jumlah pampasan yang dibayar kepada setiap pemegang konsesi tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari tahun 1990 hingga 2015, Kerajaan telah membayar pampasan tunai sebanyak RM4 bilion kepada syarikat-syarikat konsesi yang terlibat dengan penangguhan/penstrukturan semula kadar tol.

Maklumat pecahan pampasan tol mengikut konsesi lebuhraya sehingga tahun 2015 ialah seperti berikut:

| <b>BIL.</b> | <b>LEBUH RAYA</b>                               | <b>JUMLAH PAMPASAN TUNAI (RM JUTA)</b> |
|-------------|---|--|
| 1           | LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS)                | 917.18                                 |
| 2           | JAMBATAN PULAU PINANG (PBSB)                    | 219.17                                 |
| 3           | LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE) | 14.67                                  |

| <b>BIL.</b>               | <b>LEBUH RAYA</b>                                    | <b>JUMLAH<br/>PAMPASAN TUNAI<br/>(RM JUTA)</b> |
|---------------------------|--|--|
| 4                         | LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA SINGAPURA (LINKEDUA) | 40.61  |
| 5                         | LEBUHRAYA KULM BUTTERWORTH (KLBK)                    | 24.61  |
| 6                         | LEBUHRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON (SPDH)               | 0.27   |
| 7                         | LEBUHRAYA DAMANSARA – PUCHONG (LITRAK)               | 1,049.4  |
| 8                         | LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK KL-BARAT (SPRINT)   | 443.93   |
| 9                         | LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR BUTTERWORTH (BORR)          | 51.17  |
| 10                        | LEBUHRAYA TINGKAT AMPANG – KUALA LUMPUR (AKLEH)      | 175.39   |
| 11                        | LEBUHRAYA BARU PANTAI (NPE)                          | 202.37   |
| 12                        | LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN LINGKARAN KAJANG (SILK)    | 85.84*   |
| 13                        | PROJEK PENGURUSAN TEROWONG & BANJIR (SMART)          | 77.99  |
| 14                        | LEBUHRAYA SENAI-DESARU (SDE)                         | 19.33  |
| 15                        | LEBUHRAYA CHERAS - KAJANG (GRANDSAGA)                | 114.90   |
| 16                        | LEBUHRAYA KAJANG – SEREMBAN (LEKAS)                  | 36.90  |
| 17                        | LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)                          | 103.08   |
| 18                        | LEBUHRAYA KUALA LUMPUR -KARAK (KLK)                  | 123.18   |
| 19                        | LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1 (LPT 1)                | 20.44*   |
| 20                        | LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)                      | 77.63  |
| 21                        | LEBUHRAYA PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU (NNKSB)      | 100.54   |
| 22                        | LEBUHRAYA KORIDOR GUTHRIE (GUTHRIE)                  | 56.27  |
| 23                        | LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN (SKVE)                | 15.50  |
| 24                        | LEBUHRAYA KUALA LUMPUR- SEREMBAN (METRAMAC)          | 0.74   |
| 25                        | LEBUHRAYA KUALA LUMPUR –PUTRAJAYA (MEX)              | 71.82  |
| 26                        | LEBUHRAYA KEMUNING-SHAH ALAM (LKSA)                  | 9.07   |
| 27                        | LEBUHRAYA KL-KUALA SELANGOR (LATAR)                  | 9.08   |
| 28                        | LEBUHRAYA DUTA-ULU KELANG (DUKE)                     | 11.31*   |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |  | <b>4,072.29</b>                                |

Nota: \* Pampasan bagi tahun berakhir 2015 belum dimuktamadkan.

Sekian. Terima kasih.